



STUDENT

Ahmad Aiman As-Syukree graduan diploma dari Perancis pilih UMPSA

10 March 2025

GAMBANG, 8 Mac 2025 - Ahmad Aiman As-Syukree, graduan diploma dari Institut Universitaire Technologie de Tours (IUT de Tours), Perancis, hari ini mendaftar sebagai pelajar baharu di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk menyambung pengajiannya dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian.

Ahmad Aiman As-Syukree, 24 yang berasal dari Kuching, Sarawak, mengakui bahawa memilih UMPSA adalah satu keputusan yang tepat kerana universiti ini terkenal sebagai salah satu institusi pendidikan TVET terbaik di Malaysia.

"Saya memilih UMPSA kerana ia merupakan salah satu universiti TVET yang terbaik di Malaysia, dan program yang ditawarkan menjamin peluang pekerjaan yang baik," jelas beliau dengan penuh keyakinan.

Sebelum ini, Ahmad Aiman telah menamatkan pengajian di peringkat diploma dalam bidang Elektrikal dan Sains Komputer di Perancis.

Beliau turut bersekolah di Sekolah Menengah Sains Kuching Utara dan memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 7A+ dan 2A.

Beliau sangat bangga dan teruja untuk memulakan pengajiannya di UMPSA.

Katanya, ia memberikan beliau semangat untuk terus belajar, walaupun sedikit gementar kerana suasana di sini sedikit berbeza dengan apa yang beliau alami sebelum ini.



Menyentuh tentang harapannya pula, Ahmad Aiman As-Syukree berharap semoga perjalanan pengajiannya akan berlanar dan semua ilmu yang ditimba akan dipraktikkan dalam kehidupan.

"Saya juga berharap ilmu yang diperoleh dapat menjadikan saya seorang insan yang terbaik dan dapat memberi jasa kepada keluarga, bangsa, agama, dan negara," ujarnya.

Ahmad Aiman As-Syukree yang hadir ditemani ibu bapanya turut meluahkan rasa terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga atas sokongan mereka sepanjang perjalanan pendidikannya.

"Saya amat berterima kasih kepada ibu, ayah, dan keluarga kerana telah berusaha membantu saya dengan memberi kata semangat untuk menyambung pelajaran.

"Saya juga memberi penghargaan kepada pihak UMPSA kerana telah membantu saya dalam proses kreditasi dan pendaftaran saya ke universiti ini," ujarinya lagi.

Dengan semangat yang tinggi, Ahmad Aiman As-Syukree berharap pengalamannya di UMPSA akan menjadi batu loncatan untuk mencapai cita-cita dan memberi sumbangan positif kepada masyarakat.

Disediakan Oleh: Naqiah Puaad, Pusat Komunikasi Korporat